

MELGESIC CAPSULE

Mefenamic acid (250mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Melgesic capsule
2. Bagaimana Melgesic capsule berfungsi
3. Sebelum menggunakan Melgesic capsule
4. Cara menggunakan Melgesic capsule
5. Semasa menggunakan Melgesic capsule
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Melgesic capsule
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang Pendaftaran produk
11. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Melgesic capsule

Ia digunakan untuk melegakan kesakitan jenis sederhana yang jangka rawatan kurang daripada seminggu. Ia juga digunakan untuk senggugut (sakit haid).

Bagaimana Melgesic capsule berfungsi

Melgesic capsule mengandungi bahan aktif mefenamic acid yang tergolong dalam kumpulan ubat non-steroid anti-inflammatory drugs (NSAIDs). Ubat ini membantu mengurangkan kesakitan, keradangan dan menurunkan suhu badan.

Sebelum menggunakan Melgesic capsule

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jika alahan terhadap mefenamic acid dan ramuan-ramuan lain Melgesic capsule.
- Jika menghidapi ulser atau inflamasi pada perut dan usus.
- mempunyai sejarah reaksi alahan (bengkak mata atau mulut, sesak nafas, ruam) kepada ubat-ubat penahan sakit yang serupa seperti aspirin, ibuprofen atau ubat NSAIDs yang lain.
- Jangan ambil Melgesic Capsule jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.
- Jangan ambil Melgesic Capsule jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum menggunakan Melgesic capsule

- Beritahu doktor sebelum memulakan rawatan.
- jika anda pernah cirit-birit selepas makan ubat ini.
- Jika anda ada masalah dengan sel darah anda.
- Jika terdapat asma.
- Jika terdapat masalah hati atau ginjal.
- Jika mengalami sawan.
- Jika minum alkohol.

- Jika anda mempunyai atau pernah mempunyai masalah ulser, pendarahan dan penembusan pada perut dan usus.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan. Sesetengah ubat dan Melgesic capsule boleh bertindak balas antara satu sama lain. Ini termasuklah:

Ubat untuk menghentikan pembekuan darah (seperti warfarin dan heparin).

Cara menggunakan Melgesic capsule

- Berapa banyak harus digunakan

Melgesic capsule tidak disyorkan untuk kanak-kanak di bawah 14 tahun. Dewasa dan kanak-kanak lebih daripada 14 tahun –500mg diikuti dengan 250mg setiap 6 jam jika perlu. Senggugut (sakit haid) – 500mg tiga kali sehari, tidak melebihi 7 hari.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi. Telan sepenuhnya Melgesic capsule dengan segelas air bersama makanan.

- Berapa lama perlu digunakan

Perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi. Tempoh penggunaan Melgesic capsule adalah tidak melebihi 7 hari berturut-turut.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan sawan.

Semasa menggunakan Melgesic capsule

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Melgesic capsule.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Melgesic capsule dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati ketika memandu kenderaan atau mengendalikan mesin sehingga anda mengetahui kesan Melgesic capsule terhadap anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat lain, Melgesic capsule boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini seperti gangguan perut dan usus, ulser, pendarahan dan penembusan pada perut dan usus, sakit kepala, mengantuk, pening, loya atau muntah, gangguan penglihatan, ruam kulit atau gatal-gatal kulit, gelisah, cirit-birit, dispepsia (rasa tidak selesa di ulu hati yang disebabkan oleh masalah pencernaan). Sesetengah kesan sampingan mungkin serius dan memerlukan perhatian segera. Ini biasanya lebih membimbangkan dengan penggunaan ubat ini untuk jangka masa panjang dan biasanya tidak bermasalah dengan penggunaan jangka masa pendek atau penggunaan sekali-sekala. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengalami kesan-kesan sampingan yang berikut:

- sakit dada
- najis yang hitam dan melekit
- Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel: 03-78835550 atau laman web portal.bpfk.gov.my (Consumers → Reporting).

Cara penyimpanan dan pelupusan

Melgesic capsule

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah 30°C. Jauhkan daripada cahaya. Jauhkan daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Kapsul warna biru muda dan ivori.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: mefenamic acid
- Bahan tidak aktif: cornstarch, polyvinylpyrrolidone, cornstarch (binder), avicel pH101, magnesium stearate and dioctyl sodium sulfosuccinate.

- Nombor MAL:

MAL19900023AZ

Pengilang

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

04/06/2015

Nombor siri

BPFK(R4/1)030615/00139